

**APPROACH IN UNDERSTANDING THE USE OF HENNA AS A TREATMENT MATERIAL THROUGH THE FRAMEWORK OF FIQH AL-HADITH**

**PENDEKATAN DALAM MEMAHAMI PENGGUNAAN INAI SEBAGAI BAHAN RAWATAN MELALUI KERANGKA *FIQH AL-HADITH***

Muhammad Remy Othman <sup>i</sup>, Sayidah Asma Basir <sup>ii</sup>, Khadher Ahmad <sup>iii</sup> & Zulkifli Mohd Yusoff <sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). remyothman@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM). sayidahasma@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Profesor Madya, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. khadher82@um.edu.my

<sup>iv</sup> Profesor, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. zulkifliy@um.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Through inductive and deductive analysis, this article aims to discuss the approach within the framework of fiqh al-hadith that should be appropriately practiced in discussions to understand the use of henna as a treatment material in accordance with its use in medical practices. The findings indicate that within the framework of fiqh al-hadith, there are five criteria that need to be seriously considered to generate a proper understanding of the use of henna in treatment, namely [1] collecting hadith thematically related to henna and its usage. [2] Evaluating the Fiqh al-Hadith views in the works of Sharh al-Hadith. [3] Ensuring that hadith is also understood through a scientific approach, emphasising efforts to develop understanding so as not to be bound by literal interpretations. [4] considering the aspects of time and current developments, and [5] seeking expert opinions for data validation.</i></p> <p>Keywords: <i>Fiqh al-Hadith, Henna, Treatment, Scientific,</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Melalui analisis induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan dalam kerangka fiqh al-hadith yang sewajarnya dipraktikkan dalam perbincangan bagi memahami penggunaan inai sebagai bahan rawatan sesuai dengan penggunaannya dalam amalan pengubatan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dalam kerangka fiqh al-hadith, terdapat lima kriteria yang perlu diberikan perhatian yang serius bagi menjana kefahaman yang benar terhadap penggunaan inai dalam rawatan iaitu [1] Mengumpulkan hadith secara tematik terhadap hadith-hadith berkaitan dengan inai dan penggunaannya. [2] Meraikan Pandangan Fiqh al-Hadith dalam Karya Syarah al-Hadith. [3] Memastikan bahawa hadith turut difahami melalui pendekatan saintifik, iaitu lebih kepada usaha mengembangkan pemahaman supaya tidak terikat dengan keterangan. [4] Mengambil kira aspek zaman dan perkembangan semasa dan [5] Mendapatkan pandangan pakar bagi pengesahan data.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Fiqh al-Hadith, Inai, Rawatan, Saintifik.</i></p>

## PENDAHULUAN

Kajian saintifik telah menemukan daun inai mengandungi bahan pewarna asid henotanik. Asid henotanik pada daun inai akan menghasilkan warna merah kejinggaan apabila inai disapu/dilumurkan/ditampal dipermukaan kulit. Ini disebabkan tindak balas asid henotanik bergabung dengan kolagen pada sel kulit dan keratin yang ada pada rambut dan kuku. Minyak daripada biji inai mengandungi arasidik, behenik, palmitik, sterik, asid oleik dan linoleik (Agabna et al., 2014).

Bagi membuktikan potensi inai daripada sudut saintifik, kajian terhadap potensi inai dilakukan secara sama ada melibatkan *in vitro*<sup>1</sup> (di dalam tabung uji), *in vivo*<sup>2</sup> (di dalam organisma hidup seperti tikus, arnab, monyet et al.) ataupun ujian praklinikal dan klinikal melibatkan manusia (Hekmatpou et al., 2018). Kajian ini dilakukan untuk pembangunan produk alternatif terhadap potensi inai terutamanya sebagai bahan rawatan luka. Antara kajian yang dilakukan oleh Sanni et al. (2010) seperti kajian secara *in vivo* melibatkan tikus spesies *Swiss Albino* mendapati ekstrak daun inai memberi kesan yang baik serta melindungi sistem hati tikus spesies *Swiss Albino* daripada rosak dan sekaligus menguatkan fungsi hati. Selain daripada itu, menurut kajian yang dilakukan oleh Goswami et al. (2011) terhadap ekstrak air, etanol dan klorofom daripada daun inai yang tumbuh di India, turut menunjukkan potensi antiulser. Hal ini berdasarkan uji kaji terhadap ulser gastrik dalam perut tikus terhadap tikus *Swiss Albino* yang menunjukkan secara signifikan ( $p < 0.001$ ) mengurangkan isipadu pengeluaran asid gastrik, keasidan bebas, keasidan keseluruhan, dan indeks ulser.

Secara umumnya, kegunaan inai sebagai bahan rawatan telah memberikan pelbagai manfaat untuk pembangunan produk alternatif berasaskan tumbuhan inai. Walaupun begitu, perbincangan dalam *fiqh al-Hadith* lebih cenderung dalam menjelaskan tentang penggunaan inai sebagai bahan dalam perhiasan seperti mewarnakan uban pada rambut, janggut dan jari kuku, namun tidak menjelaskan secara langsung berkenaan dengan manfaatnya dari sudut pengubatan dan rawatan penyakit. Bahkan, dalam *fiqh al-Hadith* juga, penjelasan cenderung kepada aspek hukum pemakaian inai terhadap lelaki dan wanita serta beberapa larangan terhadap penggunaannya bagi tujuan penyerupaan lelaki sebagai wanita atau sebaliknya. Justeru, timbul persoalan, bagaimana untuk menjelaskan penggunaan inai sebagai bahan dalam rawatan penyakit yang tidak semata-mata berkisar dalam aspek perhiasan dan hukum sahaja?

Dari itu, artikel ini berusaha untuk membincangkan pendekatan yang sewajarnya diaplikasikan dalam memahami penggunaan inai dalam kerangka *fiqh al-Hadith* yang sebenar. Dalam erti kata bahawa keperluan dalam mengaplikasikan ijtihad semasa bagi memastikan kefahaman yang terkini dan sewajarnya terhadap penggunaan inai sebagai bahan rawatan penyakit tersebut turut diketengahkan kepada masyarakat umum.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam meletakkan asas perbincangan melalui kerangka *fiqh al-Hadith* terhadap penggunaan inai sebagai bahan rawatan, tidak dapat tidak akan dibincangkan serta dikaitkan perbincangan melalui kerangka saintifik. Oleh itu, artikel ini akan menggabungkan dua disiplin ilmu iaitu kerangka *fiqh al-Hadith* dan kajian saintifik dalam huraian kerana berdasarkan kepada kajian makmal yang telah dijalankan terhadap inai.


*Fiqh al-Hadith* adalah cabang ilmu daripada *Ulum al-Hadith* yang merangkumi perbincangan dan pemahaman hadith Rasulullah SAW daripada kerangka *Ulum al-Hadith* dengan mengambil kira konteks, situasi dan sasaran ketika hadith itu disampaikan. Hadith berkaitan penggunaan inai bukan sahaja disebut sebagai bahan pewarna yang diharuskan

<sup>1</sup> *In vitro* adalah istilah sains yang menunjukkan kajian dilakukan di dalam tabung uji. Rujuk juga Kamus Dewan Online, (Edisi Keempat), Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dengan entri "in vitro". Diakses pada 12 Julai 2022. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=in+vitro>

<sup>2</sup> *In vivo* adalah istilah sains yang menunjukkan proses tersebut berlaku di dalam organisma hidup. Rujuk juga Kamus Dewan Online, (Edisi Keempat), Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dengan entri "in vivo". Diakses pada 12 Julai 2022, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=in+vivo>

tetapi turut menjadi bahan rawatan bagi sesuatu penyakit. Namun, pemahaman terhadap penggunaan inai sebagai elemen perubatan, lebih cenderung kepada amalan nenek moyang sahaja.

Bagi memastikan bahawa data-data yang dikumpulkan dan dihubungkan dengan hasil kajian saintifik tersebut adalah jelas, pengkaji telah mempraktikkan dan mengemukakan lima indikator dalam membuat sandaran terhadap sesuatu keterangan yang diperoleh dan kemudiannya disahkan oleh pegawai Hal Ehwal Islam, unit Buhuth (Kluster Hadith), pejabat Mufti Wilayah Persekutuan melalui temu bual berstruktur. Temubual ini lebih kepada pengesahan dan pengukuhan data-data yang diperoleh tersebut. Kemudian dicadangkan lima kriteria yang perlu diberikan perhatian yang serius bagi menjana kefahaman yang benar terhadap penggunaan inai dalam rawatan dalam **rajah 1** seperti berikut:



Rajah 1: Lima kriteria perhatian bagi menjana kefahaman yang benar terhadap penggunaan inai dalam rawatan.

**DAPATAN KAJIAN**

**1. Mengumpulkan Hadith Secara Tematik Terhadap Hadith-Hadith Berkaitan Dengan Inai Dan Penggunaannya**

Jadual 1 adalah senarai hadith penggunaan inai bersumberkan daripada *al-Kutub al-Sittah*. Telah direkodkan 11 matan Hadith dari sumber *Sunan Abū Dāwūd* dan begitu juga *Sunan al-Nasā’ī*, diikuti 4 matan hadith dari sumber *Sunan Ibn Mājah*. Sumber *Jāmi` al-Tirmidhī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* masing-masing merekodkan 2 matan hadith, 3 matan hadith dan 1 matan hadith. Keseluruhannya sebanyak 17 matan hadith dengan 32 kekerapan bersumberkan daripada koleksi *al-kuttub al-Sittah*.

Jadual 1: Senarai Hadith Penggunaan Inai Mengikut Sumber *al-Kutub al-Sittah*

Tema	Senarai Hadith			Sumber Hadith					
	No	Hadith Number	Hadith Text	B	M	AD	T	N	IM
1	Inai sebagai bahan pewarna untuk menghitamkan uban ataupun rambut								
	1	1753	إِنَّ أَحْسَنَ مَا عُصِرَ بِهِ الشَّيْبُ : الْحِنَّاءُ ، وَالْكَتَمُ	-	-	(1)	(1)	(6)	(1)
	2	6075	إِنَّهُ لَمْ يَرَّ مِنَ الشَّيْبِ إِلَّا قَلِيلًا	-	(1)	-	-	-	-
	3	6076	وَقَدْ اخْتَضَبَ أَبُو بَكْرٍ بِالْحِنَّاءِ وَالْكَتَمِ ، وَاخْتَضَبَ عُمَرُ بِالْحِنَّاءِ بَحْتًا	-	(1)	-	-	-	-

	4	3623	فَأَخْرَجَتْ إِيَّيَّ شَعْرًا مِنْ شَعْرِ رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدًا بِالْحِنَاءِ وَالْكَتْمِ	-	-	-	-	-	(1)
	5	4206	انْطَلَقْتُ مَعَ أَبِي نَحْوِ النَّبِيِّ فَإِذَا هُوَ ذُو وَفْرَةٍ بِهَا رَدْعُ حِنَاءٍ وَعَلَيْهِ بُرْدَانِ أَحْضَرَانِ	-	-	(1)	-	-	-
	6	5509	" أُبَيُّ بَأْبِي فُحَافَةٌ يَوْمَ فَتَحَ مَكَّةَ وَرَأْسُهُ وَلِحْيَتُهُ كَالتَّغَامَةِ بَيَاضًا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " غَيِّرُوا هَذَا بِشَيْءٍ وَاجْتَنِبُوا السَّوَادَ	-	(1)	(1)	-	(1)	-
	7	3462	إِنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى لَا يَصْبِغُونَ فَحَالُفُوهُمْ	(1)	-	-	-	-	-
	8	4208	لَا تُجْنِي عَلَيْهِ وَكَانَ قَدْ لَطَّخَ لِحْيَتَهُ بِالْحِنَاءِ	-	-	(1)	-	(1)	-
	9	4164	"أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْ خِصَابِ الْحِنَاءِ ، فَقَالَتْ : لَا بَأْسَ بِهِ وَلَكِنْ أَكْرَهُهُ، كَانَ حَبِيبِي رَسُولُ اللَّهِ يَكْرَهُ رِيحَهُ	-	-	(1)	-	(1)	-
	10	4211	" مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ رَجُلٌ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ ، فَقَالَ : مَا أَحْسَنَ هَذَا؟ قَالَ : فَمَرَّ آخَرُ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ وَالْكَتْمِ، فَقَالَ : هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا.....	-	-	(1)	-	-	(1)
	11	4165	... لَا أَبَايُكَ حَتَّى تُعَيِّرِي كَفَيْكَ كَأَهْمَا كَفَا سَبْعِ	-	-	(1)	-	-	-
2		Inai juga bertindak sebagai perhiasan khusus kepada wanita sama ada jari atau rambut;							
	12	4166	... لَوْ كُنْتُ امْرَأَةً لَعَيَّرْتُ أَظْفَارَكَ يَعْنِي بِالْحِنَاءِ	-	-	(1)	-	(1)	-
	13	2305	...وَلَا تَمْتَشِطِي بِالطَّيْبِ وَلَا بِالْحِنَاءِ فَإِنَّهُ خِصَابٌ	-	-	(1)	-	(1)	-
3		Hukum larangan pemakaian warna inai kepada lelaki sebagai perhiasan yang menyerupai wanita ( <i>tasyabbuh</i> );							
	14	4928	..أُبَيُّ مُمَحَّنٌ قَدْ خَضَّبَ يَدَيْهِ وَرَجْلَيْهِ بِالْحِنَاءِ ، فَقَالَ النَّبِيُّ : مَا بَأْسُ هَذَا؟ فَقِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، يَتَسَبَّهُ بِالنِّسَاءِ.....	-	-	(1)	-	-	-
4		Inai sebagai bahan rawatan luka;							
	15	2054	...مَا كَانَ يَكُونُ بِرَسُولِ اللَّهِ قَرْحَةً وَلَا نَكْبَةً إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ أَنْ أَضَعَّ عَلَيْهَا الْحِنَاءَ	-	-	-	(1)	-	-
	16	3502	...كَانَ لَا يُصِيبُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرْحَةً، وَلَا شَوْكَةً، إِلَّا وَضَعَ عَلَيْهِ الْحِنَاءَ	-	-	-	-	-	(1)

5		Inai bagi rawatan sakit kaki.							
	17	3858	: أَحْتَجِمُ، وَلَا وَجَعًا فِي رِجْلَيْهِ إِلَّا قَالَ : أَخْضَبْنَهُمَا...	-	-	(1)	-	-	-
Jumlah				1	3	11	2	11	4
				32					


Singkatan: **B:** *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, **M:** *Ṣaḥīḥ Muslim*, **AD:** *Sunan Abū Dāwūd*, **T:** *Jāmi' al-Tirmidhī*, **N:** *Sunan al-Nasā'ī*, **IM:** *Sunan Ibn Mājah*

## 2. Meraikan Pandangan *Fiqh al-Hadith* Dalam Karya Syarah al-Hadith

Menurut pandangan majoriti ulama, inai tidak disebut di dalam al-Quran (Kahrizi et al., 2012) dan hanya terdapat di dalam beberapa hadith Rasulullah SAW sahaja. Telah direkodkan 17 matan hadith dengan kekerapan 32 kali dalam daripada koleksi hadith bersumberkan *al-Kutub al-Sittah* (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī*, dan *Sunan Ibn Mājah*). Inai diaplikasikan penggunaannya sama ada oleh Baginda Rasulullah SAW sendiri ataupun kepada sahabat Baginda Rasulullah SAW.

Hasil dapatan turut menemukan terdapat lima kelompok hadith yang melibatkan kegunaan inai seperti yang diringkaskan dalam **rajab 2.0**.

Rajah 2: Lima kelompok hadith-hadith bagi kegunaan inai



Sumber: Diringkaskan daripada penulisan Ariffin et al. (2020) dan Othman et al. (2021).

Berdasarkan rajah 2, pengkaji pengklasifikasikan kepada lima kelompok hadith-hadith bagi kegunaan inai. Pengkaji mengelaskan dan membincangkan secara matan dan terjemahan supaya dapatlah dijelaskan secara sistematik pengkelasan kegunaan inai tersebut.

**Pertama:** Hadith-hadith yang menjelaskan inai sebagai bahan pewarna untuk menghitamkan uban ataupun rambut. Rasulullah SAW menyarankan penggunaan inai sebagai bahan pewarna bagi menghitamkan rambut dan janggut yang beruban seperti hadith No. 1753 (*Jāmi' al-Tirmidhī*), hadith No. 6075 (*Ṣaḥīḥ Muslim*), hadith No. 6076 (*Ṣaḥīḥ Muslim*), hadith No. 3623 (*Ibn Majāh*), hadith No. 4206 (*Sunan Abū Dāwūd*), hadith No. 5509 (*Muslim*), hadith No. 3462 (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*), hadith No. 3462 (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*), hadith No. 4208 (*Abū Dāwūd*), hadith No. 4164 (*Abū Dāwūd*), hadith No. 4211 (*Abū Dāwūd*), dan hadith No. 4165 (*Abū Dāwūd*). Matan hadith dan terjemahan adalah seperti berikut:

{ عَنْ أَبِي ذَرٍّ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: "إِنَّ أَحْسَنَ مَا عُغِرَ بِهِ الشَّيْبُ : الْحِنَاءُ ، وَالكَتْمُ }

Maksudnya: Dari Abu Dhar R.A, dari Nabi SAW sabdanya: “*Sesungguhnya yang terbaik untuk mengubah (mewarnakan) uban dengannya ialah inai dan katam (sejenis dengan inai).*” (Hadith. al-Tirmidhi. Kitab al-Libas, Bab Ma Ja’a fi al-Khidab, 1753)

{عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ قَالَ : " سَأَلْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ : أَخْضَبَ رَسُولُ اللَّهِ قَالَ : إِنَّهُ لَمْ يَرِ مِنَ الشَّيْبِ إِلَّا قَلِيلًا }

Maksudnya: Diriwayatkan dari Muhammad Ibn Sirin katanya: Aku telah bertanya kepada Anas Ibn Malik: “Pernakah Rasulullah SAW mewarnakan rambut baginda SAW?” Jawab Anas: “(Tidak). Baginda tidak kelihatan beruban kecuali sedikit (iaitu di bahagian janggut kelihatan beberapa helai rambut putih)”. (Hadith. Muslim. Kitab al-Fada’il, Bab Shaibah SAW, 6075)

{ حَدَّثَنَا ثَابِتٌ قَالَ : " سُئِلَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ عَنْ خِضَابِ النَّبِيِّ فَقَالَ : لَوْ شِئْتُ أَنْ أَعُدَّ شَمَطَاتٍ كُنَّ فِي رَأْسِهِ فَعَلْتُ ، وَقَالَ : لَمْ يَخْتَضِبْ ، وَقَدْ اخْتَضَبَ أَبُو بَكْرٍ بِالْحِنَاءِ وَالْكَتَمِ ، وَاخْتَضَبَ عُمَرُ بِالْحِنَاءِ بَحْتًا }

Maksudnya: Daripada Thabit katanya: Anas Ibn Malik telah ditanya adakah Rasulullah SAW mewarnakan rambutnya (melakukan khidab)? Dia menjawab: “*Sekiranya saya mahu mengira jumlah uban yang berada di rambut Nabi SAW, sudah tentu aku boleh lakukan. Dia berkata lagi: Rasulullah SAW tidak mewarnakannya. (Manakala) Abu Bakar pernah berkhidab dengan inai dan katam dan Umar dengan inai sahaja (secara berasingan).*” (Hadith. Muslim. Kitab al-Fada’il, Bab Shaibah SAW, 6076)

{عَنْ عُثْمَانَ بْنِ مَوْهَبٍ ، قَالَ : دَخَلْتُ عَلَى أُمِّ سَلَمَةَ ، قَالَ : " فَأَخْرَجَتْ إِلَيَّ شَعْرًا مِنْ شَعْرِ رَسُولِ اللَّهِ مَخْضُوبًا بِالْحِنَاءِ وَالْكَتَمِ }

Maksudnya: Dari ‘Uthman Ibn Mawhab katanya: Aku pernah berjumpa dengan Ummu Salamah dan dia keluar memperlihatkan sebahagian dari rambut Nabi SAW yang pernah diwarnakan dengan inai dan katam. (Hadith. Ibn Majah. Kitab al-Libas, Bab al-Khidab bi al-Hina’, 3623)

{عَنْ أَبِي رَمْثَةَ ، قَالَ : انْطَلَقْتُ مَعَ أَبِي نَحْوِ النَّبِيِّ فَإِذَا هُوَ ذُو وَفْرَةٍ بِهَا رَدْعٌ حِنَاءٍ وَعَلَيْهِ بُرْدَانِ أَحْضَرَانِ }

Maksudnya: Dari Abu Rimthah berkata: aku dan ayah menghadap Rasulullah SAW. (Ketika itu) rambutnya panjang (mencapai hujung daun telinga) yang diwarnakan dengan inai serta sedang memakai dua pakaian berwarna hijau. (Hadith. Abū Dāwūd, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khidab, 4206).

{عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ : " أُتِيَ بِأَبِي فُحَافَةَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَرَأْسُهُ وَلِحْيَتُهُ كَالثَّعَامَةِ بَيَاضًا ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " عَسِّرُوا هَذَا بِشَيْءٍ وَاجْتَنِبُوا السَّوَادَ }

Maksudnya: Dari Jabir Ibn ‘Abdillah berkata: Abu Kuhafah datang menghadap Rasulullah SAW pada hari *Fath Makkah* dalam keadaan kepala dan janggutnya seperti tanaman yang berbunga putih. Maka Rasulullah SAW pun bersabda kepadanya: “Ubahlah (warna rambut dan janggut kamu) ini dengan sesuatu dan hindarilah warna hitam”. (Hadith. Muslim, Kitab al-Libas wa al-Zinah, Bab Istihbab Khidab al-Shaib bi Sufrah wa Hamrah wa Tahrimihi bi al-Sawad, 5509)

{إِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " إِنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى لَا يَصْبُغُونَ فَحَالِفُوهُمْ }

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya kaum Yahudi dan kaum Nasrani tidak mewarnakan rambut, maka tampillah berbeza dengan mereka." (Hadith. al-Bukhārī, Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab Ma Zakara 'An Bani Isra'il, 3462)

{عَنْ أَبِي رَمَثَةَ قَالَ : " أَتَيْتُ النَّبِيَّ أَنَا وَأَبِي فَقَالَ لِأَبِيهِ : مَنْ هَذَا؟ قَالَ : ابْنِي، قَالَ : لَا تَجْنِي عَلَيْهِ وَكَانَ قَدْ لَطَّخَ لِحْيَتَهُ بِالْحِنَاءِ }

Maksudnya: Dari Abū Rimthah katanya: Aku dan ayahku menghadap Rasulullah SAW, maka Rasulullah bertanya kepada ayahku: Siapa ini? Maka dijawab: "Dia anak ku." Baginda bersabda, "Janganlah kamu hukum (berlaku jahat kepadanya). (Ketika itu) dia mewarnai janggutnya dengan inai." (Hadith. Abū Dāwūd, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khidab, 4208)

{عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْمُبَارَكِ ، قَالَ : حَدَّثَنِي كَرِيمَةُ بِنْتُ هَمَّامٍ ، أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْ خِضَابِ الْحِنَاءِ ، فَقَالَتْ : لَا بَأْسَ بِهِ وَلَكِنْ أَكْرَهُهُ، كَانَ حَبِيبِي رَسُولُ اللَّهِ يَكْرَهُ رِيحَهُ }

Maksudnya: Dari 'Alī Ibn al-Mubārah katanya: telah diceritakan kepadaku Karimah binti Hammam: "Seorang perempuan datang kepada 'A'ishah RA dan menanyakan tentang penggunaan inai sebagai pewarna rambut. Maka 'A'ishah RA berkata: "Tidak mengapa menggunakannya. Akan tetapi aku tidak menyukainya oleh kerana Rasulullah tidak menyukai baunya." (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khidab li al-Nisa', 4164)

{عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : " مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ رَجُلٌ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ ، فَقَالَ : مَا أَحْسَنَ هَذَا؟ قَالَ : فَمَرَّ آخِرُ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ وَالْكَتَمِ، فَقَالَ : هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا، قَالَ : فَمَرَّ آخِرُ قَدْ خَضَّبَ بِالصُّفْرَةِ، فَقَالَ : هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا كُلِّهِ }

Maksudnya: Dari Ibn 'Abbās RA katanya: "Seorang lelaki yang mewarnakan rambutnya dengan inai telah berselisih dengan Nabi Muhammad SAW, lantas baginda bersabda: Betapa bagus ini. Setelah itu dijumpai orang lain yang mewarnai rambutnya dengan inai dan katam, baginda bersabda: orang ini lebih bagus dari yang tadi. Setelah itu, dijumpai orang lain yang mewarnai rambutnya dengan al-Sufrah, baginda bersabda: orang ini lebih bagus dari kedua mereka (sebelum ini)." (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Tarajjul, Bab Ma Ja'a fi Khidab al-Sufrah, 4211)

{عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ هِنْدَ بِنْتَ عُتْبَةَ قَالَتْ : يَا نَبِيَّ اللَّهِ بَايِعْنِي، قَالَ : " لَا أَبَايِعُكَ حَتَّى تُغَيِّرِي كَفَيْكَ كَأَهْمَا كَفَا سَبْعَ }

Maksudnya: Dari 'A'ishah RA: Sesungguhnya Hand binti 'Utbah berkata: Wahai Nabi Allah, terimalah bai'ahku. Maka Nabi Muhammad SAW bersabda: "Aku tidak akan membai'ahmu hingga kamu mengubah (pewarna) kedua telapak tanganmu, sebab kedua telapak tanganmu kelihatan seakan-akan telapak tangan haiwan buas." (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khidab li al-Nisa', 4165)

**Kedua:** Inai juga bertindak sebagai perhiasan khusus kepada wanita sama ada jari atau rambut seperti hadith No. 2305 (Abū Dāwūd). Terdapat juga hadith Rasulullah SAW dalam bentuk larangan bagi penggunaan warna yang dihasilkan inai untuk dijadikan sebagai warna dalam perhiasan jari kepada lelaki supaya ia dibezakan dengan jari wanita seperti hadith No. 4166 (Abū Dāwūd).

Antaranya adalah seperti berikut:

{ثُمَّ قَالَتْ عِنْدَ ذَلِكَ أُمُّ سَلَمَةَ دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ حِينَ تُؤَيِّبُ أَبُو سَلَمَةَ وَقَدْ جَعَلْتُ عَلَى عَيْنِي صَبْرًا، فَقَالَ : " مَا هَذَا يَا أُمَّ سَلَمَةَ ؟ " فَقُلْتُ : إِنَّمَا هُوَ صَبْرٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَيْسَ فِيهِ طِيبٌ، قَالَ : " إِنَّهُ يَشِبُّ الْوَجْهَ، فَلَا تَجْعَلِيهِ إِلَّا بِاللَّيْلِ وَتَنْزِعِيهِ بِالنَّهَارِ، وَلَا تَمْتَشِطِي بِالطِّيبِ وَلَا بِالْحِنَاءِ فَإِنَّهُ حِضَابٌ "، قَالَتْ : قُلْتُ : بِأَيِّ شَيْءٍ أَمْتَشِطُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ : " بِالسِّدْرِ تُغْلِقِينَ بِهِ رَأْسَكَ }

Maksudnya: Kemudian Ummu Salamah berkata pada saat itu; Rasulullah SAW masuk ke tempatku ketika Abu Salamah wafat sementara aku memakai *sabr* (sejenis celak) pada kedua mataku. Baginda bertanya, "Apa yang kau pakai pada matamu, wahai Ummu Salamah?" "Ini cuma *sabr* wahai Rasulullah dan tidak mengandung wangian," Rasulullah SAW berkata, "*Sabr itu membuat warna wajah bercahaya, maka jangan memakainya kecuali pada waktu malam dan hilangkan di waktu siang. Jangan menyikat rambutmu dengan minyak wangi dan jangan memakai inai kerana inai (berfungsi) sebagai perhiasan (mewarnai rambut dan kuku).*" Ummu Salamah berkata, "Kalau begitu dengan apa aku meminyaki rambutku, wahai Rasulullah?" Beliau menjawab, "Daun *sidr* (bidara) dapat engkau pakai untuk menghias rambutmu. (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Talaq, *Bab fi Ma Tajnabatuh al-Mu'taddah fi 'Iddatiha*, 2305.)

{عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ : " أَوْمِتِ امْرَأَةً مِنْ وَرَاءِ سِتْرِ بَيْدِهَا كِتَابٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ فَفَبَضَّ النَّبِيُّ يَدَهُ، فَقَالَ : مَا أَدْرِي أَيْدِ رَجُلٍ أَمْ يَدِ امْرَأَةٍ؟ قَالَتْ : بَلِ امْرَأَةٌ، قَالَ : لَوْ كُنْتِ امْرَأَةً لَعَيَّرْتِ أَظْفَارِكَ يَعْنِي بِالْحِنَاءِ }

Maksudnya: Diriwayatkan dari 'Ā'ishah RA, seorang wanita mengisyaratkan di belakang tabir bahawa dia ingin menyampaikan surat kepada Baginda SAW. Lalu baginda melihat tangan itu seraya bersabda: "Aku tidak tahu sama ada ini tangan lelaki atau perempuan". Perempuan itu menjawab: "Aku seorang wanita". Baginda bersabda: "*Sekiranya kamu seorang wanita, berbeza (dengan lelaki) dengan memakai inai (di jari)*". (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Tarajjul, *Bab fi al-Khidab li al-Nisa'*, 4166.)

**Ketiga:** Larangan pemakaian warna inai kepada lelaki sebagai perhiasan yang menyerupai wanita (*tasyabbuh*). Hal ini berdasarkan hadith No. 4928 (*Sunan Abū Dāwūd*) diriwayatkan akan seorang lelaki *mukhannath* (khunsa) yang cuba menyerupai wanita apabila ia mewarnakan inai di tangan, Nabi Muhammad SAW telah memerintahkan agar diusir ke kawasan yang terpencil jauh daripada orang yakni diasingkan (Othman et al., 2021).

Hadith tersebut adalah seperti berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ " أَبِي بِمُحَنَّتٍ قَدْ حَضَبَ يَدَيْهِ وَرَجَلَيْهِ بِالْحِنَاءِ ، فَقَالَ النَّبِيُّ : مَا بَالُ هَذَا؟ فَقِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ، فَأَمَرَ بِهِ فَنُفِيَ إِلَى النَّعِيعِ ، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا نَقْتُلُهُ؟ فَقَالَ : إِنَّي نُهِيتُ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلِّينَ }

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA meriwayatkan seorang *mukhannath* (khunsa) yang mewarnakan tangannya dengan *inai* dibawa ke hadapan Rasulullah SAW. Dikatakan kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, lelaki ini cuba menyerupai wanita." Lalu lelaki itu dihalau dari al-Naqi' (sebagai hukuman dihantar ke tempat yang terpencil supaya dijauhi orang ramai). Lalu mereka bertanya kepada Rasulullah SAW: "Kenapa dia tidak dibunuh?" Lalu baginda bersabda: "Aku dilarang membunuh mereka yang solat." (Hadith. Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, *Bab fi al-Hukm fi al-Mukhannathin*, 4928.)

**Keempat:** Inai berfungsi sebagai bahan rawatan luka. Terdapat hadith yang meriwayatkan inai dijadikan sebagai bahan rawatan untuk mengubati luka yang diakibatkan oleh terkena duri, terkena pedang, terkena pisau, dan seumpamanya. Hadith-hadith tersebut adalah seperti berikut hadith no. 2054 (*Jāmi` al-Tirmidhī*) dan hadith no. 3502 (*Sunan Ibn Mājah*):

{ عَنْ عَلِيٍّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ جَدَّتِهِ سَلْمَى ، وَكَانَتْ تَخْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ : "مَا كَانَ يَكُونُ بِرَسُولِ اللَّهِ فَرْحَةً وَلَا نَكْبَةً إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ أَنْ أَضَعَ عَلَيْهَا الْحِنَاءَ" }

Maksudnya: Diriwayatkan dari 'Alī bin 'Ubaidillah, dari datuknya, Salma yang pernah melayani Nabi Muhammad SAW berkata: "Apabila Rasulullah SAW luka (bisul) atau tertusuk duri, maka baginda SAW memerintahku untuk meletakkan inai di atas luka tersebut. (Hadith. al-Tirmidhī. Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja'a fi al-Tadawa bi al-Hinna', 2054).

{ حَدَّثَنِي مَوْلَايَ عَبْدُ اللَّهِ ، حَدَّثَنِي جَدَّتِي سَلْمَى أُمُّ رَافِعٍ مَوْلَاةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَتْ : "كَانَ لَا يُصِيبُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرْحَةً ، وَلَا شَوْكَةً ، إِلَّا وَضَعَ عَلَيْهِ الْحِنَاءَ" }

Maksudnya: Telah diceritakan kepadaku oleh nenekku Salma Ummu Rāfi' yang merupakan budak suruhan yang sering melayani Nabi Muhammad SAW berkata: "Apabila Rasulullah SAW mengalami luka kudis/nanah dan terkena duri, baginda SAW akan memerintahkanku untuk meletakkan inai di atas luka tersebut." (Hadith. Ibn Majāh. Kitab al-Tibb, Bab al-Hinna', 3502).

**Kelima:** Inai berfungsi merawat sakit kaki. Hadith No. 3858 (*Sunan Abū Dāwūd*) adalah seperti berikut:

{ حَدَّثَنَا فَائِدٌ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي رَافِعٍ ، عَنْ مَوْلَاةِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي رَافِعٍ ، عَنْ جَدَّتِهِ سَلْمَى خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ قَالَتْ : "مَا كَانَ أَحَدٌ يَشْتَكِي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ وَجَعًا فِي رَأْسِهِ إِلَّا قَالَ : احْتَجِمِ ، وَلَا وَجَعًا فِي رِجْلَيْهِ إِلَّا قَالَ : احْضِبْهُمَا" }

Maksudnya: Telah diceritakan kepada kami Fā'id hamba 'Ubaidillah Ibn 'Alī Ibn Abī Rāfi', dari tuannya, 'Ubaidillah Ibn 'Alī Ibn Abī Rafi', dari datuknya Salma, khadam Rasulullah SAW katanya: "Jika ada seseorang mengeluh kepada Rasulullah SAW akan sakit kepala yang menyimpannya. Maka Baginda SAW bersabda kepada orang itu, "Berkemlah! Dan jika ada orang yang mengeluh kepada Baginda SAW tentang sakit pada kedua belah kakinya. Maka Baginda SAW bersabda kepada orang itu. Berkhidablah dengan inai." (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Tibb, Bab fi al-Hijamah, 3858).

Setelah dianalisis hadith-hadith berkaitan penggunaan inai, pengkaji menemukan dua kegunaan inai dalam hadith menyebut kegunaan inai sebagai bahan rawatan. **Pertama** inai sebagai bahan rawatan luka, dan **Kedua** adalah inai sebagai rawatan sakit kepala.

Pengkaji turut menemukan inai digunakan sama ada Nabi Muhammad SAW menggunakan inai secara terus seperti hadith No. 2054 (*Jāmi` al-Tirmidhī*) dan No. 3502 (*Sunan Ibn Mājah*) dalam rawatan luka dan juga Nabi Muhammad SAW menyarankan sahabat merawat menggunakan inai dalam rawatan sakit kaki hadith No. 3858 (*Sunan Abū Dāwūd*).


### 3. Memastikan Bahawa Hadith Turut Difahami Melalui Pendekatan Saintifik, Iaitu Lebih Kepada Usaha Mengembangkan Pemahaman Supaya Tidak Terikat Dengan Keterangan

Bagi memastikan bahawa hadith turut difahami dalam kerangka kontemporari iaitu melalui pendekatan saintifik, pengkaji mengintegrasikan dapatan daripada data saintifik. Dapatan kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti sebatian aktif yang terdapat dalam tumbuhan inai. Justifikasinya, dengan mengetahui sebatian ini, potensi inai dapat diterokai terutamanya

dalam pembangunan farmakologi berasaskan kepada rujukan hadith nabi Muhammad SAW.

Daripada kajian fitokimia oleh Alem et al. (2020) menemukan sebatian asas inai adalah kuinon seperti lawson (*2-hydroxynaphthoquinone*) yang memberikan warna merah jingga. Selain itu, turut dilaporkan inai mengandungi sebatian fenolik, alkaloid, terpenoid, flavonoid, tannin, kumarin, xanton, karbohidrat, protein, dan asid lemak (Semwal et al., 2014).

Rajah 3: Sebatian *Lawson*



Sumber: Analisis pengkaji (Othman et al., 2020).

Daripada dapatan Analisis Cecair Kromatografi Berprestasi Tinggi Kuadrupol Spektrometri Jisim Masa Penerbangan (HPLC-QTOFMS) pada Etanol: Air (80:20) Ekstrak daun *Lawsonia inermis* telah mengesahkan kehadiran kumpulan kelas utama daripada kumpulan aromatik iaitu kumpulan sebatian fenolik, flavonoid, tanin, kumarin, dan kuinon. Sebatian-sebatian ini menunjukkan bahawa kehadiran kumpulan aromatik memainkan peranan dalam rawatan luka (Neha et al., 2019; Othman et al., 2020), yang bertindak sebagai agen antioksidan (Othman et al., 2021).

Ponugoti (2018) telah melaporkan bahawa sebatian *isoplumbagin* berpotensi dalam aktiviti antikeradangan dan antimikrob. Kajian dijalankan secara *in vivo* terhadap sel kanser carcinoma (OSCC) terhadap tikus (*mice*) telah menunjukkan kesan yang positif dalam perencatan sel kanser carcinoma setelah terdedah kepada sebatian *isoplumbagin*.

Kajian lepas oleh Liang et al. (2017) turut menunjukkan potensi sebatian *esculetin* dan sebatian fraksetin, dapat digunakan sebagai agen antikoagulan/ bahan antigumpal (ubat warfarin) bagi menghalang pembekuan darah yang mengakibatkan penyakit seperti strok. Turut dilaporkan oleh Khazaeli et al. (2019) membuktikan bahawa kandungan sebatian asid galik dan sebatian lawson dalam inai mempunyai potensi dalam merencatkan pembiakan bakteria dari jenis *Mycobacterium phlei*.

Dapatlah diketahui bahawa sebatian aktif yang terdapat dalam daun inai memainkan peranan dalam rawatan luka kerana mempunyai kandungan aktif dalam antioksidan, antimikrob dan juga antigumpal. Penemuan ini bertepatan dengan aplikasi penggunaan inai dalam rawatan luka seperti yang disebutkan dalam hadith 2054. Jesteru itu, dapatan saintifik ini dapat memberikan kefahaman terhadap penggunaan inai terdapat bahan rawatan luka.

#### 4. Mengambil kira aspek zaman dan perkembangan semasa.

Terdapat lima indikator dapat pengkaji nyatakan bagi mengukuhkan dapatan dalam membuat sandaran keharusan hukum penggunaan inai sebagai bahan rawatan berdasarkan aspek zaman dan perkembangan semasa. Lima indikator adalah seperti berikut:

**Pertama:** Berdasarkan hadith bernombor 2054 memberikan petunjuk secara jelas bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri menggunakan inai terus kepada diri baginda sendiri.

{ عَنْ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ جَدَّتِهِ سَلْمَى ، وَكَانَتْ تَحْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ : " مَا كَانَ يَكُونُ بِرَسُولِ اللَّهِ قَرَحَةً وَلَا نَكْبَةً إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ أَنْ أَضَعَ عَلَيْهَا الْحِنَاءَ " }

Maksudnya: Diriwayatkan dari 'Alī bin 'Ubaidillah, dari datuknya, Salma yang pernah melayani Nabi Muhammad SAW berkata: "Apabila Rasulullah SAW luka (bisul) atau tertusuk duri, maka baginda SAW memerintahku untuk meletakkan inai di atas luka tersebut." (Hadith. al-Tirmidhī, Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja'a fi al-Tadawa bi al-Hinna', 2054)

**Kedua:** Tidak ditemukan hadith-hadith berbentuk larangan menggunakan inai dalam rawatan melainkan larangan penggunaan inai sebagai bahan pewarna alami terhadap lelaki yang menggunakan inai sebagai pewarna perhiasan seperti hadith no. 4928.

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ " أُتِيَ بِمُحَنَّتٍ قَدْ حَضَبَ يَدَيْهِ وَرَجَلَيْهِ بِالْحِنَاءِ ، فَقَالَ النَّبِيُّ : مَا بَالُ هَذَا؟ فَقِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ ، فَأَمَرَ بِهِ فَنُفِيَ إِلَى النَّعِيعِ ، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَلَا نَقْتُلُهُ؟ فَقَالَ : إِنَّي هَيْبْتُ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلِّينَ " }

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA meriwayatkan seorang mukhannath (khunsa) yang mewarnakan tangannya dengan inai dibawa ke hadapan Rasulullah SAW. Dikatakan kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, lelaki ini cuba menyerupai wanita." Lalu lelaki itu dihalau dari al-Naqi' (sebagai hukuman dihantar ke tempat yang terpencil supaya dijauhi orang ramai). Lalu mereka bertanya kepada Rasulullah SAW: "Kenapa dia tidak dibunuh?" Lalu baginda bersabda: "Aku dilarang membunuh mereka yang solat." (Hadith. Abū Dāwūd. Kitab al-Adab, Bab fi al-Hukm fi al-Mukhannathin, 4928).

**Ketiga:** Melalui pendekatan kefahaman terhadap waqi', merujuk kepada dawābiṭ (garis panduan) yang telah dikemukakan oleh al-Qarḍāwī (2005) iaitu melakukan konsultasi ilmiah terhadap perkara yang berlaku dengan mengambil maklumat dari pakar bidang masing-masing. Al-Qarḍāwī telah memperincikan bahawa dawābiṭ dalam kerangka fiqh semasa dalam pengoperasian iaitu dengan meraikan perkara baru yang bermanfaat dengan makna bahawa Islam meraikan inovasi dalam bidang sains dan teknologi yang memberikan manfaat kepada kehidupan manusia, memudahkan urusan hidup dan menambahnilai kepada kehidupan berkualiti (Man, S. 2023).

Melalui kajian saintifik, inai telah menunjukkan kehadiran aktiviti antioksidasi alami yang berperanan dalam penyembuhan luka. Othman et al. (2021) turut berjaya membuktikan bahawa kehadiran sebatian aktif dalam daun inai berperanan dalam aktiviti antioksidasi telah menguatkan lagi petunjuk hadith Nabi Muhammad SAW penggunaan inai dalam rawatan luka. Hal ini turut dikukuhkan bahawa penggunaan inai daripada hadith Nabi Muhammad SAW terhadap manusia diklasifikasikan dalam kategori kajian klinikal yakni melibatkan organisma hidup yang dilakukan terhadap manusia. Berdasarkan petunjuk hadith Nabi Muhammad SAW No. Hadith 2054 jelas menunjukkan bahawa inai boleh digunakan secara terus melibatkan manusia bagi merawat luka. Walaupun begitu, kajian pra klinikal sama ada melibatkan ujian sel kultur ataupun haiwan haruslah dijalankan terlebih dahulu bagi membolehkan sesuatu kaedah dan bahan rawatan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa regulatori farmasi (Baharuddin, N. 2017).

**Keempat:** Merujuk kepada pendekatan kontekstual dalam memahami hadith (Shah, F. A. 2011). Merujuk kepada hadith no. 2054 tersebut tidak memerlukan sebarang ilah (faktor/ punca atau sebab) seperti hadith mengenai perkara yang memabukkan (al-Iskāṛ) seperti yang dinyatakan oleh al-'Uthaymin (2013) adalah haram seperti disebutkan dalam hadith berikut:

{ عَنْ عَائِشَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ " }

Maksudnya: “Daripada ‘Āishah RA daripada Nabi SAW bersabda: “*Semua yang memabukkan adalah haram.*” (Hadith. al-Bukhari, Kitab al-wudu’, *Bab bab la yajuz alwudu’ bialnabidh wala almuskir*, 242)

Semua benda yang memabukkan walaupun apa pun namanya, hukum meminumnya adalah sama dengan hukum arak iaitu haram (al-Bakri, 2022). Imam al-Nawawī (1930) mendefinikan bahawa *al-Hinna’* (الحناء) bermaksud sejenis tumbuhan yang *ma’aruf* (dikenali ramai). Kebiasaan masyarakat (*uruf*) menggunakan inai sebagai bahan pewarna alami dan menunjukkan inai digunakan untuk merawat sakit luka dari penemuan etnobotani Melayu (Othman et al., 2021). Kefahaman masyarakat juga tidak mendefinikan inai sebagai sesuatu yang bersifat mabuk. Pengkaji akan mencadangkan agar dijalankan ujian ketoksikan akut bagi mengetahui tahap toksik (darjah keracunan) bagi mengukuhkan dapatan bahawa inai tidak memabukkan dengan melihat secara berjadual perlakuan tikus Sprague Dawley selepas diberikan makan selama tempoh 14 hari.

**Kelima:** Merujuk kepada terminologi (*iṣṭilāḥāt*) (Suliaman, 2008). Tiada terminologi lain yang merujuk inai (الحناء) kepada makna lain yang memerlukan kepada rujukan hadith atau pandangan *sāḥābat* atau *tābi’īn*. Berdasarkan syarah oleh Muhammad ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī akan kegunaan inai dalam rawatan luka di dalam syarah kitab *tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī*. Pengkaji tidak menemukan ada sebarang nas syarak yang mengklasifikasikan inai sebagai bahan yang haram dan memerlukan *ilah* bagi menunjukkan sebaliknya. Walaupun begitu, kadar penggunaan dan bilakah peringkat usia inai yang dimaksudkan dalam hadith tersebut memerlukan kajian daripada data saintifik. Pengkaji turut mencadangkan agar dijalankan ujian melibatkan organisma hidup melalui ujian pra klinikal bagi memastikan bahawa proses penyembuhan dapat diteliti dan kemaskini. Data-data saintifik yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui manfaat inai terutamanya dalam ubatan luka berdasarkan petunjuk hadith Rasulullah SAW.

##### 5. Mendapatkan pandangan pakar bagi pengesahan data.

Bertarikh 20 April 2022, satu temu bual bersama Ustaz Ibrahim Adham bin Mohd Rokhibi, Pegawai Hal Ehwal Islam, di Unit Buhuth (Kluster Hadith), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Temu bual tersebut dijalankan dengan mengemukakan kelima-lima indikator pendekatan dalam memahami *fiqh al-Hadith* bagi penggunaan inai sebagai bahan rawatan adalah sesuai ataupun tidak. Maklum balas Ustaz Ibrahim selaku pegawai yang bertanggungjawab dalam mengkaji dan mentahqiq kitab-kitab turath dan muktabar berkaitan hukum dan fatwa turut bersetuju dengan kaedah yang diketengahkan oleh pengkaji berkenaan penggunaan inai dalam bahan rawatan.

Hasil dapatan ini juga adalah selari dengan pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-88 yang bersidang pada 2009 telah membincangkan Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak bahawa:

- a. Adalah diharuskan pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi wanita sama ada yang telah berkahwin atau belum selagi mana tidak menimbulkan fitnah.
- b. Adalah diharuskan pemakaian inai untuk tujuan perubatan pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki, tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan.
- c. Kadar pemakaian inai di kedua-dua tangan dan kaki adalah terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja, manakala warna yang digunakan tidak bersifat kekal seperti tatu dan mengandungi sebarang unsur yang meragukan.
- d. Adalah dibenarkan mengenakan corak atau ukiran daun dan tumbuh-tumbuhan, manakala corak-corak haiwan, lambang dewa-dewa atau ajaran apa juga gambaran yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang sama sekali.

Kajian ini bertepatan dalam pembangunan ubatan farmasi secara klinikal untuk dijadikan sebagai rawatan ulser, ulser mulut, rawatan luka ringan, yang lebih selamat untuk digunakan. Dapatan kajian ini dapat dikembangkan dengan meneliti kupasan perubatan yang dinyatakan daripada kitab *al-Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah kerana pendekatan yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim adalah berasaskan kepada rujukan hadith Nabi Muhammad SAW dengan kaedah rawatan menggunakan inai seperti merawat sakit seriawan (ulser mulut), sakit kepala, dan kusta.

## PERBINCANGAN

Daripada perbincangan mengenai aspek penggunaan inai dalam bahan rawatan, terdapat beberapa kaedah dan pendekatan daripada prinsip fiqh semasa yang boleh dihubungkan supaya dapat dijadikan sebagai kerangka pendekatan dalam memahami tentang penggunaan inai tersebut. Merujuk kepada kaedah fiqh “الأصل في الأشياء الإباحة” bermaksud “Asal bagi sesuatu itu adalah harus selagi mana tiada dalil yang mengharamkan” (al-Qardhawi, 2014). Hal ini turut dinyatakan oleh al-Subkī, aplikasi kaedah ini terpakai pada penggunaan apa jua benda dan manfaatnya selagi tiada nas syarak yang melarangnya (al-Wallawī, 1996). Oleh yang demikian, hukum asal menggunakan inai sebagai bahan rawatan adalah harus.

Tumbuhan inai merupakan tumbuhan yang ma'aruf, yakni dikenali dengan meluas sebagai bahan pewarna alami. Terdapat dua sub kelompok hadith berkaitan penggunaan inai berdasarkan hasil analisis koleksi *al-Kutub al-Sittah* (Othman et al., 2021).

**Pertama**, pengkaji mendapati inai adalah inai adalah bahan pewarna yang diharuskan. Inai boleh digunakan untuk mewarnai (*khidab*) rambut yang beruban dan janggut. Perlu diingatkan, sekiranya warna merah yang dihasilkan oleh inai dijadikan pewarna perhiasan hanya dibolehkan untuk wanita sahaja. Hal ini untuk dibezakan dengan jari lelaki sama ada jari tangan dan kaki. Terdapat 17 matan hadith yang menyebut penggunaan inai sama ada oleh Baginda Rasulullah SAW sendiri atau juga kepada sahabat Baginda.

**Kedua**, pengkaji menemukan dapatan kelompok hadith penggunaan inai sebagai bahan rawatan. Inai mempunyai nilai perubatan dan diamalkan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW iaitu (1) *Jāmi' al-Tirmidhī* - No. 2054, (2) *Sunan Ibn Mājah* - No. 3502, dan (3) *Sunan Abū Dāwūd* - No. 3858.

Pengkaji turut mengemukakan analisis dan perbincangan dalam syarah kitab *Tuḥfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* oleh Muhammad 'Abd al-Rahmān Ibn 'Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī (1990) terhadap hadith No. 2054 untuk mengetahui kegunaan inai khususnya dalam rawatan luka daripada inai seperti berikut:

قوله : (ماكان) أي الشأن (يكون) أي يوجد ويقع (برسول الله لئلي الله علي وسلم قرحة) قال الطيبي: يحتمل أن يكون الثاني زائداً وأن يكون غير زائد بالتأويل أي ماكان قرحة تكون برسول الله صلى الله علي وسلم انتهى. والقرحة بفتح ويضم جراحة من سيف وسكين ونحوه, ومنه قوله تعالى: (إن يمسكم قرحة) وقد قرىء فيه بالوجهين والأكثر على الفتح (ولانكبة) بفتح النون جراحة من حجر أو شوك ولا زايدة للتأكيد (أن أضع عليه الحناء) لأنه برودته يخفف حرارة الجراحة وألم الدم.

Maksudnya: Berkata Muhammad Abd al-Rahman: (Tidaklah ada sesuatu) sebarang perkara (yang terjadi) yang menimpa (Rasulullah SAW menderita luka), berkata al-Tibi: Adalah mungkin bahawa yang terjadi kali kedua dan bahawa ia tidak berlebihan dengan penafsiran, iaitu adapun berlaku luka kepada Rasulullah SAW berhenti. Dan Lafaz (القرحة) dengan dibaca dibaris atas dan rawatan daripada luka akibat terkena benda tajam seperti pedang, pisau dan seumpamanya, Allah SWT berfirman (Ali 'Ilmran ayat 140): (Jika kamu mendapat luka) dan kadang kala ayat tersebut dibaca dengan dua cara atau lebih atas fathah (ولانكبة) dengan baris fathah pada ن, rawatan akibat terkena batu atau duri dan selainnya (adalah

meletakkan keatasnya Inai) sesungguhnya inai yakni disebabkan sifat inai yg sejuk/dingin yang meredakan/meringankan panas (sakit) akibat luka dan pengaliran darah.

Terdapat dua jenis luka yang disarankan iaitu, (قرحة) *Qarhatun* dan (نكبة) *Nakbatun*:

- 1) (قرحة) *Qarhatun* merujuk kepada jenis luka akibat benda tajam seperti pisau, pedang dan seumpamanya, dan
- 2) (نكبة) *Nakbatun* pula merujuk kepada jenis luka akibat batu atau duri dan selainnya.

Dapatlah disimpulkan bahawa Nabi SAW akan letakkan inai ke atas luka tersebut: disebabkan oleh sifat inai yang sejuk atau dingin yang boleh meredakan dan meringankan panas (kesakitan) akibat luka dan pengaliran darah.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahawa hadith yang menyebutkan tentang inai dijadikan bahan rawatan selain pewarna seperti dalam rawatan luka akibat terkena duri, dan luka akibat terkena pedang, dan pisau.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, potensi inai dalam nilai perubatan merawat luka dan telah diamalkan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW merupakan satu petunjuk inai dimanfaatkan selain sebagai pewarna yang dibenarkan. Pendekatan memahami *fiqh al-Hadith* dalam penggunaan inai bukan sahaja dikenali sebagai bahan pewarna alami tetapi inai juga berpotensi dalam rawatan luka berdasarkan petunjuk dari Rasulullah SAW. Indikator yang digariskan adalah untuk menjadi satu garis panduan kepada pengkajian bercorak integrasi antara ilmu wahyu dan saintifik. Indikator ini akan sentiasa diperbaharui bagi mengukuhkan lagi dapatan dari masa ke masa mengikut peredaran nilai keilmuan yang sentiasa berkembang.

## RUJUKAN

### Buku

- Ahmad bin Syu'aib bin 'Alī (1988). *Sunan al-Nasā'ī*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi'.
- al-'Uthaymin, Muḥammad Ibn Ṣalāh. (1995). *Fatḥ Dhi al-Jalāl li wa al-Ikrām bi Sharh Bulūgh al-Marām*. al-Riyād : Dār al-Muslim lil-Nashr wa-al-Tawzī'.
- al-Bukhārī, Muhammad bin Isma'il. (1987) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuha.
- al-Mubārakfūrī, Muhammad 'Abd al-Rahmān Ibn 'Abd al-Rahīm. (1990). *Tuḥfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*. Mesir: Dar al-Fikr, 6: 212.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharaf. (1930). *Saḥih Muslim bi Sharh al-Nawawī*. Misr: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, 15: 95.
- al-Naysaburi, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim dalam al-Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh. Al-Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Qarḍāwī, Yusuf. (2005). *Madkhal dli Dirasat al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Qahirah: Maktabah Wahbah, 278-281.
- al-Qarḍāwī, Yusuf. (2014). *Halal wa Haram fi al-Islam*, terj. Zulkifli Mohammad al-Bakri. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd, 28-29.
- al-Tirmidhī, Muhammad bin 'Isā bin Sāwra. *Sunan al-Tirmidhī*, (1966). Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi'.
- al-Wallawī, Muhammad Ibn 'Alī Ibn Ādam Ibn Mūsā al-Ityūbī. (1996). *Dakhīrah al-'Uqba fi Sharḥ al-Mujtabā*. al-Riyād: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyyah lil-Nashr, 34: 84.
- Muhammad bin Yazīd al-Qazwaynī. (1986). *Sunan Ibn Majāh*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi'.
- Sulayman bin al-'Asy'ath al-Sajistani. (1988). *Sunan Abū Dāwūd*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi'.

**Jurnal**

- Agabna, N. M., Shaddad, S. A., & Mudathir, A. K. (2014). Safety of Lawsonia inermis ethanolic seeds extract. *J Pharm Biomed Sci*, 4(43), 2230-7885.
- Alem, F. Z., Gita, S. A., Cougnaud, L., Affnar, C., Nounah, I., Youssef, B., ... & Rhourri-Frih, B. (2020). Lawsone quantification in Lawsonia inermis L. by HPLC-MS: How does the temperature and pluviometry affect lawsone concentration? *Industrial crops and products*, 158, 112960.
- Ariffin, M. F. M., Othman, M. R., Ahmad, K., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2020). Inai menurut perspektif hadith dan sains. *Albasirah Journal*, 10(2), 37-56.
- Goswami, M., Kulshreshtha, M., Rao, C. V., Yadav, S., & Yadav, S. (2011). Anti-ulcer potential of Lawsonia inermis L. leaves against gastric ulcers in rats. *Journal of Applied Pharmaceutical Science*, (Issue), 69-72.
- Hekmatpou, D., Ahmadian, F., Eghbali, M., & Farsaei, S. (2018). Henna ( Lawsonia inermis) as an Inexpensive Method to Prevent Decubitus Ulcers in Critical Care Units: A Randomized Clinical Trial. *Journal of evidence-based integrative medicine*, 23, 2515690X18772807.
- Kahrizi D, Molsaghi M, Faramarzi A, Yari K, Kazemi E, Farhadzadeh AM, Hemati S, Hozhabri F, Asgari H and Chaghamirza K. (2012). Medicinal plants in Holy Quran. *American Journal of Scientific Res*, 42, 62 -71.
- Khazaeli, P., Mehrabani, M., Mosadegh, A., Bios, S., Zarehahi, R., & Moshafi, M. H. (2019). Identification of luteolin in henna (Lawsonia Inermis) oil, a Persian medicine product, by HPTLC and evaluating its antimicrobial effects. *Res J Pharmacogn*, 6(1), 51-55.
- Liang, C., Ju, W., Pei, S., Tang, Y., & Xiao, Y. (2017). Pharmacological activities and synthesis of esculetin and its derivatives: a mini-review. *Molecules*, 22(3), 387.
- Neha, K., Haider, M. R., Pathak, A., & Yar, M. S. (2019). Medicinal prospects of antioxidants: A review. *European journal of medicinal chemistry*, 178, 687-704.
- Othman, M. R., Ahmad, K., Yusoff, Z. M., Awang, K., Ariffin, M. F. M., & Othman, R. (2021). Lawsonia inermis Linn.(Inai) dalam perspektif hadith: Aplikasi dalam etnobotani Melayu dan kehadiran aktiviti antioksidasi. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 43(1), 97-111.
- Othman, M. R., Othman, R., Ismail, A. A., Hazni, H., Ahmad, K., Abd Razzak, M., ... & Awang, K. (2020). High-performance liquid chromatography quadrupole time-of-flight mass spectrometry (HPLC-QTOFMS) analysis on the ethanol: Water (80: 20) extract of Lawsonia inermis leaves. *Sains Malaysiana*, 49(7), 1597-1613.
- Ponugoti, M. (2018). A pharmacological and toxicological review of Lawsonia inermis. *International Journal Of Pharmaceutical Sciences And Research*, 9(3), 902-15.
- Sanni, S., Thilza, I. B., Ahmed, M. T., & FS, S. (2010). MuhammedTalle and Okwor GO (2010): The effect of aqueous leaves extract of henna (Lawsonia inermis) in carbon tetrachloride induced hepato-toxicity in swiss albino mice. *Academia Arena*, 2(6), 87-89.
- Semwal, R. B., Semwal, D. K., Combrinck, S., Cartwright-Jones, C., & Viljoen, A. (2014). Lawsonia inermis L.(henna): Ethnobotanical, phytochemical and pharmacological aspects. *Journal of ethnopharmacology*, 155(1), 80-103.
- Shah, F. A. (2011). Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-Hadith Rasulullah SAW. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4, 101-120.
- Suliaman, I. (2008). Fiqh Hadari sebagai metod semasa dalam menganalisis Hadith-hadith hukum. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 6, 139-152.

**Internet**

- al-Bakri, Zulkifli Mohamad. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Bayan Linnas Siri Ke-117 : Hindari Bahaya Arak. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/659-bayan-linnas-siri-ke-116-hindari-bahaya-arak> (diakses pada 4 April 2022).

- Baharuddin, N. Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia (2017). Proses pendaftaran ubat di Malaysia 2017. <http://www.myhealth.gov.my/proses-pendaftaran-ubat-di-malaysia/> (diakses pada 14 April 2023)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 222. [http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI\\_MUZAKARAH\\_MKI\\_2016.pdf](http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf)
- Man, S. Jabatan Agama Islam Selangor (t.t). Fiqh Semasa: Konsep dan aplikasinya. <https://www.jais.gov.my/v2/page.php?id=381&k=fiqh%20semasa> (diakses pada 14 April 2023).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*